

ثالینا بهاس

PELITA BAHASA

WADAH KESEMPURNAAN BAHASA



Kesalahan
Bahasa
dalam
Karangan

AURA BAHASA

SENIMAN
AGUNG NEGARA

MEI 2016

Semenanjung Malaysia	: RM4.50
Sabah / Sarawak	: RM5.00
Brunei Darussalam	: B\$4.50
Singapura	: S\$4.50

KK 499-90828 0516
ISSN 0128-2182



9 770128 218182

<http://pbahasa.dbp.my>

- **Lagu Berbahasa Rojak Wajar atau Tidak?**
- **Keterampilan Guru Bahasa Melayu Abad ke-21**
- **Pengajaran Band 2 Berfokuskan Lisan**





Tinta Editor

3

- Rosak Lagu kerana Bahasa?

Komentari Bahasa

4

- Wujudkah Perkataan "Cai", "Macai" dan "Pencacai"?

Arkib Bahasa

5

Fokus Bahasa

6

- Aura Bahasa Seniman Agung Negara
- Lagu Berbahasa Rojak Wajar atau Tidak?

Pengajaran Bahasa

14

- Pengajaran Band 2 Berfokuskan Lisan

Kembara Bahasa

18

- Relevankah Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu?

Cemerlang Bahasa

21

- Istilah Sains Politik Hubungan Antarabangsa

Sastera Dalam Bahasa

22

- Penggunaan Grafik dalam Novel Tirani

26

Pustaka Bahasa

- Pemelajaran dan Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Sindrom Down

30

Terampil Bahasa

- Keterampilan Guru Bahasa Melayu Abad ke-21
- Sukarnya Berbahasa Santun!

36

Dunia Bahasa

- Belajar Falsafah untuk Pintar Matematik dan Bahasa Inggeris
- Kesenambungan Legasi Bahasa

42

Cemerlang Pelajar

- Kesalahan Bahasa dalam Karangan

46

Cerpen

- Pengutip Jantung Sendiri di Lorong Seni

50

Bijak Bahasa

- Kosa Kata
- Teka Silang Kata
- Jawapan Kosa Kata
- Jawapan Teka Silang Kata

56

Simfoni Bahasa

- Berkelana di Belantara Bahasa
- Gurindam Jati Diri
- Tinta Bahasa



Sukarnya Berbahasa Santun!

Bahasa merupakan alat pertuturan bagi memudahkan komunikasi yang melibatkan dua orang atau lebih. Bahasa juga berperanan untuk mencerminkan aspek sosial dalam sesebuah masyarakat (Zulkifley, 2013). Seseorang itu seharusnya bijak menyesuaikan setiap kata-kata yang digunakan semasa berinteraksi. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya seseorang individu yang tidak mampu menguasai kaedah berbahasa dengan baik, individu tersebut akan dianggap tidak sopan. Situasi tersebut lebih dikenali sebagai kesantunan berbahasa yang membawa maksud penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya, (Awang Sariyan, 2007).

Dalam masyarakat Melayu, kesantunan dilihat merujuk kepada latar sosiobudaya masyarakatnya yang berpegang pada adat resam di samping pegangan ajaran Islam yang dianuti. Hal ini terbukti dalam perbilangan adat yang berbunyi “adat bersendikan hukum, hukum bersendikan kitab Allah”. Namun begitu, berlaku kekangan dalam melaksanakan amalan ini walaupun masih dianggap sopan secara teorinya.

Kesantunan berbahasa amat berkait rapat dengan sistem sapaan dalam bahasa Melayu. Menurut Amat Juhari Moain (1989), sistem sapaan dalam bahasa Melayu terbahagi kepada tiga aspek utama, iaitu kata ganti nama, kata rujukan hormat dan kata gelaran atau pangkat. Namun begitu, perbezaan penggunaan sistem sapaan bagi kata ganti nama diri kedua “kamu” dan “awak” bagi kaum Melayu dan Cina dilihat membawa definisi kesantunan berbahasa yang berbeza.

Hal ini bermaksud, terdapat penggunaan kata ganti nama diri tersebut bagi kaum Cina yang tidak bertepatan bagi kaum Melayu untuk diujarkan pada perbezaan jarak status dan sosial. Sebagai contoh, dalam situasi perbualan antara seorang murid dengan gurunya. Situasi ini melibatkan perbezaan jarak status apabila guru merupakan golongan yang lebih tinggi statusnya daripada seorang murid. Masalah akan timbul apabila pelajar Cina sering menggunakan kata ganti nama diri "awak" ketika bertutur dengan seorang guru.

Hal ini semestinya bertentangan dengan kesantunan bahasa yang melibatkan perbezaan jarak status. Hal ini berbeza dengan pelajar Melayu yang lebih santun menggunakan perkataan "cikgu" berbanding dengan kata ganti nama "awak". Namun begitu, bagi pelajar Cina, penggunaan kata ganti nama "awak" dianggap sopan kerana digunakan khas untuk orang yang dihormati seperti golongan pendidik (Huang, 2007).

Selain itu, penggunaan unsur eufemisme dalam menyampaikan sesuatu perkara juga berkait rapat dengan kesantunan bahasa. Eufemisme atau bahasa halus membawa maksud sejenis gaya bahasa pertautan yang mengandungi kata atau ungkapan yang lebih halus sebagai pengganti kata-kata atau ungkapan tertentu yang dianggap kasar, keras, tidak menyenangkan, merugikan atau menyakitkan

(Nik Hassan, 2005). Dalam masyarakat Melayu, penggunaan bahasa halus ini sering merujuk kepada sesuatu kata

yang dianggap lebih lembut atau sederhana, lebih baik atau menyenangkan dalam memperkatakan sesuatu yang mungkin boleh dianggap kasar, keras, menakutkan, menghina atau menyinggung perasaan seseorang. Unsur ini dianggap penyelesaian bagi menggantikan bahasa tabu dalam sesebuah bahasa.

Sebagai contoh, penggunaan istilah "jamban" digantikan dengan istilah "tandas" dan istilah "kencing" pula digantikan dengan "buang air kecil" bagi memberikan kesan yang lebih sopan dalam penggunaan bahasanya. Selain eufemisme, sirkumlokusi juga boleh menggantikan tabu bahasa. Sirkumlokusi merupakan penerangan yang panjang lebar, dan kadangkala bersifat berbelit-belit. Sebagai contoh, perkataan "zakar" digantikan dan diterangkan dengan menyebut "anggota di bawah pusat". Hal ini dianggap tabu kerana melibatkan anggota tubuh yang sulit dan tertutup.

Amalan bahasa yang tidak berterusterang turut mencakupi salah satu elemen dalam kesantunan bahasa. Lazimnya, orang Melayu diajar sejak dari kecil agar tidak menuturkan sesuatu yang dilihat secara langsung terhadap sesuatu perkara agar dapat menjaga air muka orang yang menjadi teman bicaranya. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Teo Kok Seong (2003) bahawa kesopanan bahasa merupakan bentuk bahasa misalnya, kata, frasa atau rangkai kata, atau ayat, dan penggunaan bahasa misalnya, bertutur secara berkias, berlapik atau cakap secara tidak berterusterang



yang bermaksud untuk berlaku sopan kepada orang yang mendengar bagi tujuan menghormatinya, di samping memperlihatkan kehematan terhadap orang yang bercakap agar dia dianggap sebagai berbudi bahasa. Misalnya, dalam situasi apabila seseorang bertanya kepada kita akan sebab tidak hadir ke majlis hari lahirnya. Bagi menjaga perasaannya, kita menjawab bahawa keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan walaupun hakikatnya kita tidak berkesempatan untuk hadir ke majlis tersebut. Dalam erti kata lain, kita dididik agar “berbohong” daripada pengetahuan sebenar orang yang bertanya. Secara teorinya, perbuatan berbohong tersebut dianggap salah namun, dibolehkan dalam perbualan yang bertujuan untuk menjaga air muka seseorang.

Kesantunan bahasa bukan sekadar melibatkan lakuan bahasa verbal semata-mata, malah turut melibatkan lakuan bahasa bukan verbal. Lakuan bahasa ini melibatkan sebarang anggota tubuh tanpa bunyi-bunyi bahasa seperti suara. Menurut Chek Mat (2007), dalam realiti kehidupan, komunikasi tanpa lisan sering dipamerkan dalam bentuk mata, air muka, nada suara, posisi tubuh, pergerakan badan, penampilan diri dan kesesuaian ruang. Contohnya, perbuatan menundukkan badan dan kepala semasa berjalan di hadapan orang yang lebih tua, menutup mulut semasa sendawa dan sebagainya. Namun begitu, terdapat juga perbuatan atau perlakuan yang tertentu dianggap sopan dalam sesebuah masyarakat namun tidak bagi masyarakat yang lain. Misalnya, perbuatan menghirup kuah atau sup sambil mengeluarkan bunyi dianggap sopan bagi masyarakat Jepun yang menandakan sup tersebut enak dihirup. Hal tersebut berbeza dengan masyarakat Melayu yang beranggapan bahawa perbuatan tersebut tidak sopan. Fenomena ini dikenali sebagai pragmatik silang budaya yang memperlihatkan budaya yang berbeza mengikut masyarakat yang berbeza.

Oleh sebab itu, dalam mempelajari bahasa dan budaya terutamanya bahasa asing, pembelajaran harus mencakupi penggunaan bahasa tersebut

secara tepat dan betul. Situasi umum akan lokasi bahasa tersebut serta kebudayaannya harus dikenali dan difahami.

Hal ini mampu mengelakkan kejutan budaya sewaktu berada di negara sesuatu bahasa itu digunakan. Kejutan budaya merujuk kepada rangsangan individu dalam situasi budaya yang asing baginya. Rangsangan boleh berupa keresahan, kebingungan dan perasaan tidak selesa semasa berada dalam lingkungan asing tersebut.

Penerangan yang jelas perlu disalurkan mengenai kesantunan bahasa yang melibatkan pelbagai aspek sama ada verbal dan bukan verbal. Sehubungan itu, pengamal sesuatu bahasa itu mampu menyedari tentang persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kesantunan berbahasa masing-masing. Sejurus mempelajari perkara-perkara tersebut, komuniti sesuatu bahasa secara tidak langsung dapat menguasai tahap kesantunan berbahasa dengan lebih baik dan mampu mengelakkan salah faham antara satu sama lain.

Nilai berbahasa juga dititikberatkan oleh orang Melayu. Maka, wujudlah bentuk bahasa yang dikelaskan sebagai bahasa halus, kesat, kasar, dan seumpamanya. Oleh hal yang demikian, seseorang itu perlu memahami dengan siapa dia bercakap dan dalam situasi apa dia bercakap. Orang yang memiliki kesantunan yang tinggi tahu meletakkan dirinya dalam keadaan tertentu. Oleh itu, konsep kesantunan tidak lengkap jika perbincangannya terbatas pada aspek berbahasa dan perlakuan semata-mata sekiranya tidak dikaitkan dengan konsep keikhlasan. Seseorang itu boleh menuturkan kata-kata yang indah atau menunjukkan tingkah laku yang sopan dalam sesuatu keadaan, namun perlakuan tersebut belum pasti menggambarkan keikhlasannya. Hal ini dikatakan demikian kerana, manusia boleh “bertopeng” dengan pelbagai wajah untuk mencapai hasratnya, sedangkan hakikatnya tiada sesiapa yang tahu. ~

